

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN KELAS H : PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN
(RADAS PENYINARAN / BEKAS PUNCA TERKEDAP)**

| Bil | Perkara | Jenis Permohonan Lesen | | |
|-----------|--|------------------------|---------|------------|
| | | Baru | Meminda | Membaharui |
| A. | Organisasi Dan Pengurusan: | | | |
| 1. | Permohonan hendaklah dibuat menggunakan perkhidmatan dalam talian di http://elesen.atom.gov.my | / | / | / |
| 2. | Butiran syarikat iaitu nama, nombor telefon, nombor faks, alamat surat-menyurat dan alamat premis. | / | / | |
| 3. | Orang yang bertanggungjawab terhadap lesen (OBTL): a) Salinan sijil pendaftaran syarikat/ perniagaan: Borang 49, Borang Seksyen 14 dan Borang Seksyen 58 diperakui benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). b) Perlantikan OBTL bukan dari kalangan Ahli Lembaga Pengarah: Surat perlantikan ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat [muat turun borang dari laman web Jabatan Tenaga Atom di www.atom.gov.my]. | / | | |
| 4. | Salinan sijil pendaftaran syarikat yang disahkan benar oleh SSM. | / | | |
| 5. | Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang telah diluluskan. [sila dapatkan borang dari laman web Jabatan Tenaga Atom di www.atom.gov.my] | / | | |
| B. | Pekerja Sinaran: | | | |
| 1. | Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia (PY): a) Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.atom.gov.my/iexam] dan muatnaik dokumen berikut: i. Gambar terkini (ukuran passport); ii. Salinan kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan passport yang masih sah; iii. Sijil kehadiran Kursus Perlindungan Sinaran Untuk Pegawai anjuran agensi yang diiktiraf oleh Jabatan Tenaga Atom. Bagi pemohon yang pernah diiktiraf sebagai PPS dan tidak aktif (tidak melebihi 5 tahun) dan PPS baharu yang belum pernah diiktiraf melebihi 1 tahun selepas lulus peperiksaan PPS, dikehendaki melampirkan buku log CEP ¹ ; iv. Sijil kelayakan akademik tertinggi. b) Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eSPP, dengan memuatnaik dokumen seperti berikut: i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan (LPTA/BM/5 Seksyen A), (tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan); ii. Salinan permit kerja (imigresen) bagi pemohon bukan warganegara. | / | | |

¹ Sila rujuk panduan, LEM/TEK 44 (Bahagian G) (semakan terkini), 'Standard Pengiktirafan Baru dan Pengiktirafan Semula Berdasarkan Kaedah Program Pendidikan Berterusan (Continous Education Programme-CEP)'.

| | | | | |
|---|--|---|---|---|
| 2. | Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali Senggaraan, P(S) sila buat permohonan pada sistem eSPP, dengan memuatnaik dokumen berikut: a) B1(a)(i), (a)(ii), (a)(iv), (b)(i) dan (b)(ii); b) Perakuan kompeten penyenggara iaitu salinan sijil menghadiri latihan penyenggaraan daripada pihak pengeluar bagi model yang dipohon (model peralatan sinaran yang akan dilesenkan adalah khusus/spesifik bergantung kepada sijil-sijil ini). Salinan sijil yang dikemukakan hendaklah telah disahkan benar. | / | / | |
| 3. | Sekiranya masih bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian hendaklah diselesaikan terlebih dahulu. | / | | |
| 4. | Latihan terkini: Sila muatnaik salinan sijil/surat pengesahan hadir kursus perlindungan sinaran pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.atom.gov.my/iexam] mengikut akaun setiap pekerja sinaran. | | | / |
| C. Penyenggaraan Peralatan Sinaran: | | | | |
| 1. | Senarai kemudahan dan peralatan penyenggaraan yang akan digunakan dalam kerja-kerja penyenggaraan. | / | / | |
| 2. | Prosedur kerja, manual atau metodologi bagi kerja-kerja penyenggaraan radas penyinaran berkaitan. | / | / | |
| 3. | Surat kuasa daripada Pihak Pengeluar yang membenarkan syarikat melakukan penyenggaraan ke atas model tertentu. | / | / | |
| 4. | Contoh format laporan penyenggaraan yang akan disediakan berkaitan kerja-kerja penyenggaraan yang akan dilakukan terhadap radas penyinaran berkaitan. | / | / | |
| D. Kemudahan Penyenggaraan (Bilik Dedahan): <i>[nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina bilik dedahan]</i> | | | | |
| 1. | Menghantar permohonan Membina Bilik Dedahan dengan memuatnaik a) Pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (sila nyatakan kawasan yang berhampiran); b) Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan; dan c) Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter daripada dinding tersebut. d) Koordinat GPS lokasi bilik dedahan | / | / | |
| 2. | Menghantar permohonan 'Mengguna Bilik Dedahan' setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina. | / | / | |
| 3. | Semakan status tarikh sah kelulusan bagi kebenaran membina dan mengguna. | | / | / |
| E. Tempat Penstoran Tetap (termasuk kemampuan penstoran): <i>[nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina penstoran]</i> | | | | |
| 1. | Menghantar permohonan Membina Tempat Penstoran dengan memuatnaik; a) Pelan terperinci kedudukan dan rekabentuk tempat penstoran; b) Rekabentuk kejuruteraan kemudahan penstoran bahan radioaktif, dimensi dan pengiraan paras sinaran luar di permukaan tempat penstoran. (Bacaan di luar penutup tempat penstoran mestilah kurang daripada 3.0 μ Sv/jam dan bacaan di luar pagar tempat penstoran mestilah kurang daripada 0.5 μ Sv/jam); c) Sekiranya syarikat menyewa tanah atau premis untuk tempat penstoran bahan radioaktif maka surat perjanjian hendaklah dibuat diantara pemilik tanah dengan pihak syarikat; dan d) Pengiraan terperinci yang menunjukkan tempat penstoran boleh menampung kesemua bahan radioaktif yang akan dimiliki. | / | / | |

| | | | | |
|--|---|---|---|---|
| 2. | Menghantar permohonan Mengguna Tempat Penstoran setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina (setelah permohonan lesen diluluskan). | / | / | |
| F. Alat Pengesan Sinaran: | | | | |
| 1. | Memuatnaik surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran (<i>survey meter</i>) sekiranya belum memiliki. | / | | |
| 2. | Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan) | / | / | |
| G. Program Perlindungan Sinaran: | | | | |
| 1. | a) Program Perlindungan Sinaran hendaklah disedia dan dihantar secara atas talian kepada Jabatan Tenaga Atom terlebih dahulu untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen dibuat. b) Program hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti format LEM/TEK/45 (semakan terkini) (rujuk laman web Jabatan Tenaga Atom di www.atom.gov.my). | / | | |
| 2. | Program perlu dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan. | | / | / |
| H. Pelan Kecemasan Radiologi (Kategori Kawalan 1, 2, 3 & 4): | | | | |
| 1. | Muatnaik Pelan Kecemasan ² ke dalam sistem eSPP untuk tujuan terimapakai. Pelan Kecemasan hendaklah disedia dan dihantar secara atas talian kepada Jabatan Tenaga Atom terlebih dahulu untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen dibuat. | / | | |
| 2. | Semak status Pelan Kecemasan sama ada perlu diubahsuai supaya sesuai mengikut keperluan semasa. | | / | / |
| I. Pelan Sekuriti (Bahan Radioaktif) – (Kategori Kawalan 1, 2 & 3): | | | | |
| 1. | Muatnaik Pelan Sekuriti ³ ke dalam sistem eSPP untuk tujuan terimapakai. Pelan Sekuriti hendaklah disedia dan dihantar secara atas talian kepada Jabatan Tenaga Atom terlebih dahulu untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen dibuat. | / | | |
| 2. | Semak status Pelan Sekuriti sama ada perlu diubahsuai supaya sesuai mengikut keperluan semasa. | | / | / |

² Sila rujuk LEM/TEK/66 bertajuk “Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologi”

³ Sila rujuk LEM/TEK/62 bertajuk “Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti (Bahan Radioaktif)”